



SIARAN AKHBAR

***UNTUK SIARAN SEGERA**

TAKAFUL IKHLAS PERKUKUH KESEJAHTERAAN KOMUNITI MELALUI PROGRAM KASIH KORBAN

Kuala Lumpur, 19 Jun 2026 – Takaful Ikhlas Family Berhad dan Takaful Ikhlas General Berhad (Takaful IKHLAS) , anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad, baru-baru ini telah melaksanakan Program Kasih Korban bagi memperluas manfaat ibadah korban kepada golongan asnaf serta komuniti setempat di Seremban, Negeri Sembilan.

Program Kasih Korban merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Takaful IKHLAS dalam menyokong kesejahteraan komuniti melalui pendekatan yang menggalakkan semangat kebersamaan dan keprihatinan dalam menyantuni golongan yang memerlukan.

Program yang mendapat kerjasama daripada Masjid Jamek Dato' Kelana Petra Sendeng dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) ini merupakan inisiatif yang digerakkan menerusi dana IKHLAS Barakah House (IBH), platform patuh syariah yang menyokong pelbagai usaha kebajikan dan pembangunan komuniti.

Sebanyak RM59,500 telah disalurkan melalui sumbangan seluruh warga Kumpulan MNRB Holdings Berhad (MNRB) dan IKHLAS Barakah House bagi menjayakan ibadah korban yang melibatkan 10 ekor lembu ditumbangkan. Dalam semangat kebersamaan, program ini turut menghimpunkan warga kerja Takaful IKHLAS, ahli jawatankuasa masjid, sukarelawan dan ahli kariah dalam kerja-kerja penyediaan dan pengagihan sebanyak 700 pek daging korban kepada 106 penerima asnaf serta komuniti setempat yang memerlukan.

Dalam masa yang sama, bagi menyokong usaha pengimaran masjid, Takaful IKHLAS turut menyampaikan sumbangan wakalah zakat berjumlah RM5,000 kepada Masjid Jamek Dato' Kelana Petra Sendeng sebagai tanda sokongan kepada peranan masjid sebagai institusi pembangunan ummah serta pusat penyatuan komuniti setempat.



Menurut En. Wan Ahmad Najib Wan Ahmad Lotfi, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas Family Berhad,

“Melalui program Kasih Korban, kami percaya bahawa nilai sebenar sebuah inisiatif bukan hanya diukur melalui sumbangan yang disalurkan, tetapi juga melalui impak yang dapat diwujudkan kepada masyarakat denganmemperlihatkan kesepaduan antara organisasi dan tenaga kerjanya dalam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Kami amat berbangga dengan komitmen warga kerja MNRB yang bersama-sama menyumbang dan menjayakan inisiatif ini,

Program ini bukan sekadar usaha berkongsi rezeki, tetapi juga menjadi platform untuk memperkukuh hubungan antara Takaful IKHLAS, institusi agama, dan masyarakat setempat. Kami berharap agar inisiatif seperti ini dapat terus menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan memperkukuh semangat saling membantu dalam masyarakat, sekali gus mencerminkan nilai keprihatinan yang menjadi teras organisasi kami,” katanya.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Tuan Rosli Che Man, Pengerusi Masjid Jamek Dato’ Klana Petra Sendeng dan Dato’ Rudy Rodzila Che Lamin, Interim Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MNRB Holdings Berhad merangkap Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas General Berhad, yang menzahirkan penghargaan beliau kepada warga kerja Takaful IKHLAS serta pihak masjid dan MAINS yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Dengan pendekatan yang telus dan inklusif, Takaful IKHLAS percaya bahawa setiap sumbangan yang disalurkan mampu memberikan impak yang berpanjangan, bukan hanya kepada penerima, tetapi juga dalam membentuk budaya prihatin dalam kalangan warga kerja dan masyarakat secara keseluruhan.



Mengenai Takaful IKHLAS

Takaful IKHLAS menyediakan perkhidmatan perlindungan kewangan berlandaskan prinsip Syariah. Ia menawarkan produk takaful keluarga dan takaful am yang komprehensif melalui Takaful Ikhlas Family Berhad dan Takaful Ikhlas General Berhad. Takaful IKHLAS mempunyai 13 pejabat wilayah dan hampir 2 juta peserta takaful berdaftar dan lebih 7,000 ejen berdaftar. Kedua-dua Takaful Ikhlas Family Berhad dan Takaful Ikhlas General Berhad adalah anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad iaitu sebuah syarikat pegangan pelaburan yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pn. Noorazimah Tahir
Naib Presiden & Ketua
Komunikasi Korporat
MNRB Holdings Berhad
Tel: 013 – 331 0000
Emel: azie@mnrhb.com.my

Pn. Sahilah Abdullah
Penolong Naib Presiden
Komunikasi Korporat
MNRB Holdings Berhad
Tel: 016 – 216 2246
Emel: sahilah@mnrhb.com.my